

Kedah mohon wujud sistem langit terbuka

BH-4/6/2006

Langkah alternatif angkut pelancong asing ke Pulau Mahsuri

Laporan Johari Ibrahim

LANGKAWI: Kerajaan Kedah memohon supaya diwujudkan sistem langit terbuka bagi pengangkutan udara di pulau peranginan itu untuk membantu kemasukan pelancong asing.

Ia adalah sebagai alternatif kepada 'kehilangan' kemasukan pelancong ke pulau itu berikutan keputusan Penerbangan Malaysia (MAS) menghentikan perkhidmatan penerbangan terus London-Langkawi-KLIA bermula 26 Mac lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kerajaan negeri sudah menghantar surat kepada MAS supaya mengkaji semula keputusan itu kerana ia menyebabkan kemerosotan kemasukan pelancong ke Langkawi.

"Bagaimanapun, jika MAS kekal dengan keputusannya itu, kerajaan negeri memohon kepada Kementerian Pengangkutan supaya diwujudkan sistem langit terbuka hanya untuk Langkawi supaya pesawat antarabangsa lain dibenarkan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian

Dialog Pembangunan Langkawi di sini, semalam.

Dialog sehari itu dirasmikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang juga Penasihat Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

Kerajaan negeri tidak bersetuju dengan tindakan MAS itu kerana ia membazirkan usaha yang sudah dirancang pada 2003.

Dr Mahathir yang turut menghadiri sidang akhbar itu juga tidak bersetuju dengan keputusan MAS.

Beliau berkata, syarikat penerbangan kebangsaan boleh menghentikan penerbangan sambungan dari sini ke Kuala Lumpur untuk mengurangkan kerugian.

Menyentuh perkara sama dalam ucaptamanya, Dr Mahathir berkata, jika sesuatu perniagaan mengalami kerugian, ia tidak wajar dihentikan terus, sebaliknya perlu mencari cara untuk mengurangkan kerugian.

"Saya tidak tahu mengapa Idris Jala (Pegawai Urusan MAS) menghentikan penerbangan terus London-Langkawi. Kata rugi, tetapi kalau rugi kemudian kita hentikan, lagilah tidak dapat apa-apa," katanya.



BERTEMU PEMIMPIN: Dr Mahathir diiringi Mahdzir tiba untuk menyampaikan ucaplama pada Dialog Pembangunan Langkawi di Kompleks Lada, semalam.